

INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA
FACULTY PUBLICATION

TITLE : PENGHAYATAN ISLAM DALAM
MEMPELAJARI DAN MENGEMBANGKAN
ILMU

AUTHOR : PROF. DR. MUHAMMAD KAMAL HASSAN

SOURCE : JURNAL PENDIDIKAN ISLAM

VOLUME : 3

ISSUE : -

YEAR : SEPTEMBER 1985

PAGES : 12 - 40

DAFTAR ISI

■ KONSEP ILMU MENURUT AL-GHAZALI Oleh: Dr. Hassan Langgulung	1
■ PENGHAYATAN ISLAM DALAM MEMPELAJARI DAN MENGENAL ILMU Oleh: Prof. Dr. Mohd. Kamal Hassan	12
■ PENGISLAMAN ILMU — PERANAN PARA CENDIKIAWAN Oleh: Siddiq Fadil	40
■ SAINS SOSIAL (PENEKANAN KEPADA BIDANG SEJARAH) MENURUT PANDANGAN ISLAM — SATU TINJAUAN RINGKAS Oleh: Ghazali Basri	58



“PENGHAYATAN ISLAM DALAM MEMPELAJARI DAN MENGEMBANGKAN ILMU”

Prof. Dr. Mohd. Kamal Hassan

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

ان في خلق السموات والارض واختلاف الليل والنهر لآيات لاول
الالباب الذين يذكرون الله قياما وقعودا وعلى جنوبهم ويتذكرون في
خلق السموات والارض ربنا ما خلقت هذا باطل سبحانك فتنا عذاب
النار

“Bahawasanya di dalam kejadian langit dan bumi, dalam ber-gantian dengan siang itu sudah dapat merupakan bukti kekuasaan Allah bagi orang yang suka menggunakan akalnya. Mereka itu ialah orang-orang yang suka mengingat-ingat kepada Allah, baik di waktu berdiri atau duduk ataupun sedang tidur, lagi pula suka memikir-mikirkan perihal kejadian langit dan bumi. Ia pasti akan dapat mengatakan: Ya Tuhan kami, Engkau menciptakan semua ini tidaklah dengan sia-sia (tanpa ada kemanfaatannya), Maha Suci Engkau, maka lindungilah kami dari siksa api neraka.”

(Surah ali-'Imran: 190-191)

Sejarah dunia hari ini terpaksa mengakui bahawa Islam telah melahirkan suatu tamadun yang besar yang telah membawa keamanan dan kesejahteraan kepada dunia dan menjadi pendorong kemajuan manusia dalam aspek kerohanian, pemikiran, moral dan keduniaan. Ia menjadi sumber utama ilmu yang bermanfaat bukan saja kepada Timur tetapi juga kepada Barat yang telah mendapat darinya sumbangan intelektual dan moral dan juga idea-idea untuk kemajuan kebendaan. Tetapi kemudian, sesudah kehilangan kepimpinan politik dunia, kepimpinan intelektual dunia juga terlucut dari tangan umat Islam.

Dalam dua abad yang silam Eropah dan seluruh dunia Barat telah mencapai kemajuan yang cemerlang dalam bidang kebendaan dan pemikiran sementara dunia orang Islam ketinggalan di belakang. Untuk menjamin supaya semua orang Timur, terutama sekali orang Islam, terus terbelenggu pemikirannya kepada Barat, satu penaklukan budaya yang meluas telah direncanakan dan dijalankan. Kaedah yang paling berkesan ialah melalui pembaratan sistem pendidikan. Konsep-konsep kebudayaan sekular dan kebendaan memasuki pemikiran si Muslim menerusi buku-buku teks, sastera, drama, filem, radio dan rancangan televisyen, kegiatan dan sekolah *missionary*, propaganda parti-parti politik dan penyebaran idea-idea seperti kapitalisme, sosialisme dan komunisme. Penggunaan teknologi Barat telah mempercepat proses penaklukan pemikiran melalui penyebaran suatu idea — meskipun palsu — bahawa kemajuan kebendaan boleh dicapai hanya dengan membebaskan pemikiran manusia daripada sikap keagamaan. Berdasarkan kepada pengalaman pahit mereka dalam menghadapi cengkaman pemikiran gereja Kristian yang tidak rasional ratusan tahun, pemikir Barat mengembangkan idea sekularisme sebagai strategi dasar dalam semua bidang pembangunan kehidupan manusia. Ilmu dan pendidikan pun turut dibangun di atas dasar sekularisme yang dibantu oleh faham rasionalisme, empirisme dan pragmatisme.

Menerusi konsep-konsep sekular itu Barat hampir berjaya memecahkan integrasi jasad dan ruh yang diajar oleh Islam. Sistem pendidikan Barat yang sekular digunakan sebagai jalan pendek kepada perubahan sosial dan ialah alat yang utama bagi melemahkan perasaan keagamaan dan memperkuatkan sikap-sikap sekularis. Walau bagaimanapun strategi ini tidak meresapi semua institusi pendidikan kerana ia ditentang oleh sistem pendidikan Islam tradisional yang ditampung oleh golongan tradisional dalam masyarakat orang Islam. Dengan demikian muncullah di seluruh dunia orang Islam suatu dualiti budaya (*cultural duality*) yang berpunca dari kewujudan sistem pendidikan yang terbelah dua: sistem pendidikan Islam tradisional yang melahirkan ahli-ahli agama dan sistem pendidikan moden dan sekular yang menciptakan golongan sekularis. Sedikit demi sedikit sistem pendidikan sekular di kebanyakan daerah mengambil tempat semua bentuk pendidikan. Di rantau yang lain pula, kedua-dua sistem itu masih kekal tetapi sistem sekularlah yang menjadi sistem yang paling dominan. Ilmu agama dan ilmu dunia terus bercerai dengan akibat-akibat yang negatif dalam kehidupan masyarakat.

Cendikiawan Islam hari ini telah mula menyedari bahawa manusia Muslim akan kehilangan identitinya bila ciri-ciri sekular dibiarkan dalam pengembangan ilmu dan pemikiran. Satu-satunya cara untuk menyelamatkan diri dari bahaya sekularisme dalam mempelajari dan mengembangkan ilmu ialah dengan mengekalkan kaedah integrasi MAN kepada Allah, ILMU yang bermanfaat, AMAL yang salih dan KHLAK yang mulia yang semuanya berdasarkan doktrin TAUHID dalam mencari, mempelajari, mengajar dan mengembang ilmu pengetahuan. Kaedah integrasi atau kesepaduan inilah yang akan melahirkan sikap yang dikehendaki oleh Pencipta Yang Maha Bijaksana sebagaimana yang digambarkan di dalam al-Qur'an.

وَمِنَ النَّاسِ وَالدَّوَابِ وَالْأَنْعَمُ مُخْتَلِفُ الْوَانَةِ كَذَلِكَ إِنَّمَا يَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ
الْعَلَمَاءُ أَنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ غَفُورٌ.
(سورة الفطر / ٣٥ - ٢٨)

"Dan demikian pula di antara manusia dan binatang-binatang yang melata serta binatang-binatang ternak, ada yang berlain-lain jenis dan warnanya? Sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah dari kalangan hamba-hambanya hanyalah orang-orang yang berilmu. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Pengampun."

(Surah Fatir, 35:28)

Di bawah pengaruh faham-faham sekular, tujuan mencari dan mempelajari ilmu bukanlah untuk menjadi HAMBA ALLAH yang salih atau KHALIFAH BUMI yang bertugas mengejar HASANAH di dunia dan HASANAH di akhirat, tetapi bermatlamat sama ada "ilmu untuk ilmu" atau "ilmu untuk utiliti". Konsep pertama memberikan kebebasan kepada rasa ingin tahu manusia yang tak terbatas; ia terus mencari dan mengumpul ilmu. Konsep kedua membawa kepada pemenuhan dorongan asasi kedua dalam diri manusia, iaitu keinginannya untuk menggunakan ilmunya untuk memenuhi kepentingan dirinya yang bersifat kebendaan. Dengan itu wujudlah di satu pihak, satu proses pencarian, pengumpulan dan perluasan bidang ilmu pengetahuan yang berterusan dan di pihak yang lain, usaha-usaha yang tidak berhenti untuk memperbaiki taraf hidup kebendaan terlepas dari ukuran-ukuran kerohanian dan akhlak yang mempunyai nilai abadi. Teori evolusi yang dikemukakan oleh ilmu-ilmu kajihayat

di abad 19^o telah didapati berperanan dalam tamadun oleh ramai pemikir Barat. Tetapi kekeliruan telah muncul apabila teori evolusi itu digunakan kepada sifat manusia dan kepada fenomena sosial, lalu dibuatlah kesimpulan bahawa manusia dan masyarakatnya sedang mengalami evolusi ke arah kesempurnaan. *Ideal* inilah, antara lain, yang telah melahirkan beberapa aliran (*schools of thought*) moden dalam ilmu sejarah, politik, ekonomi, sosiologi dan anthropologi sosial di Barat. Faktor yang tidak berubah (*immutable*) dalam diri manusia, iaitu rohnya tidak dihiraukan oleh aliran-aliran itu. Mereka lupa bahawa roh manusia sentiasa mencari sesuatu yang bersifat berkekalan (*permanence*). Ia selalu berhadapan dengan pilihan antara ini dan itu, benar dan salah, kebenaran dan kepaluan, keadilan dan kezaliman. Dengan adanya ukuran yang tidak berubah itu pemikiran si Muslim dapat menentukan apakah manusia dapat dikatakan telah menjadi manusia yang lebih baik (daripada nenek moyangnya) dengan adanya alat-alat ketamaddunannya yang lebih baik melalui pencapaian ilmu pengetahuan yang saintifik. Ia dapat menentukan sama ada seorang pemikir moden seperti Bertrand Russell misalnya adalah lebih baik dari seorang Yunani Kuno seperti Socrates kerana ia telah menggunakan ilmu pengetahuan moden dan alat-alat serta kemudahan-kemudahan moden.

Tetapi oleh kerana ilmu pengetahuan moden Barat yang kita perolehi dari ilmu-ilmu tabi'i (*natural sciences*), ilmu-ilmu terapan (*applied sciences*) dan ilmu-ilmu kemasyarakatan (*social sciences*) tidak mengindahkan faktor rohani di dalam manusia dan Ilmu dari Allah (wahyu) dan terhad hanya kepada apa yang dikenali sebagai bidang empiris dan sekular, kerana mazhab-mazhab pemikiran di Barat mengasingkan yang sekular (*profane*) dari yang ketuhanan (*sacred*), maka ilmu pengetahuan saintifik hari ini gagal melihat hubungan yang saling berkaitan dengan memadukan kedua-dua bidang tadi. Itulah sebabnya ia hanya mampu memberikan kita *technique* yang berkesan untuk menganalisa perkara-perkara lahiriah (*externals*); ia telah gagal melahirkan suatu *technique* yang mengintegrasikan roh dengan jasad; yang mutlak dengan yang berubah, yang fana dengan yang abadi, *al-Dunya* dan *al-Din*. Ia telah membawa manusia kepada suatu kekeliruan tentang nilai (*confusion of values*) walaupun dalam penyelidikan-penyeleidikan mengenai bidang falsafah dan psikologi. Hatta dalam bidang sastera, keinginan mencari nilai yang abadi dalam masa, yang selalunya menjadi sebab ketinggian yang tak ternilai dan kemutlakan dalam karya-karya seni yang agong, telah menjadi kacau disebabkan oleh kekeliruan nilai tadi. Orang

yang mencari nilai yang abadi terpaksa menembusi timbunan was-was, penipuan dan kekeliruan. Dengan demikian ukuran benar dan salah, adil dan tidak adil, Kebenaran dan Kebatilan yang datang dari kesedaran kita tentang wujudnya sesuatu yang mutlak dalam dunia yang kelihatan sedang berubah, tetapi tidak tercapai atau sengaja diketepikan. Di Barat sendiripun telah wujud sedikit kesedaran bahawa kekeliruan ini dan penafian terhadap tuntutan-tuntutan rohani dan ukhrawi tidak dapat membawa kepada ketenteraman dalam fikiran (*peace of mind*). Keghairahan yang sedang berkembang di Barat terhadap amalan *Yoga*, *Tanscendental Meditation*, Hippism, Guru Maharaj Ji dan lain-lain kultus ialah manifestasi yang jelas tentang kekosongan rohani itu. Ia hanya menunjukkan dengan jelas ketiadaan haluan dan konflik mental yang sedang dilalui oleh masyarakat moden akibat dari pengembangan ilmu yang menafikan kewujudan dan kekuasaan Allah yang hanya dapat dipelajari melalui Wahyu Ilahi.

Sistem pendidikan yang telah diimport dari Barat oleh negeri-negeri orang Islam untuk membangun negeri mereka sendiri sedang memenuhi beberapa keperluan kebendaan mereka. Ia memberikan kepada orang-orang Islam pengetahuan yang sedang membantu mereka untuk mencapai kemajuan fizikal dan teknologis. Tetapi pada waktu yang sama ia menumbuhkan di dalam fikiran mereka keadaan was-was akan realiti rohani, Tuhan dan Hari Akhirat dan kekeliruan nilai dan pertumbuhan sahsiah manusia yang tidak sepadu. Sekiranya ilmuwan-ilmuwan Islam dari jurusan ilmu al-Din dan ilmu Dunia tidak bergabung untuk menciptakan aliran-aliran ilmu masyarakat dan kemanusiaan (*humanities*) mereka sendiri dan bangkit untuk mencabar usaha-usaha membuat hipotesa oleh sarjana-sarjana sekularis yang tidak mengindahkan operasi Iradah Ketuhanan (*Divine Will*) dalam alam, maka masyarakat orang Islam akan terus mengalami pola-pola pembangunan yang pincang dengan segala konsekwensinya dalam bidang sosial, ekonomi, budaya dan politik.

Tuntutan Allah (s.w.t.) supaya ilmu dan pemikiran manusia diintegrasikan dengan iman terhadap Allah (s.w.t.) adalah bertujuan, antara lain, untuk membolehkan orang-orang yang berilmu — atau para sarjana, pemikir, ahli sains, cendekiawan, ilmuwan dan ‘ulama’ — membangun dirinya, masyarakatnya dan alam sekitarnya sebagai usaha pengabdiannya kepada Allah dan penyempurnaan amanahNya sebagai Khalifah (pewaris) bumi. Berdasarkan kepada falsafah kesepaduan antara iman dan ilmu, jasad dan roh, dunia dan Din, fikiran dan hati, akal dan wahyu, maka sikap manusia Muslim terhadap ilmu

dan usaha mempelajari serta mengembangkannya akan tunduk kepada tuntutan ‘Aqidah Islam, Syari’ah Islam dan Akhlaq Islam.

Ia akan melihat ilmu sebagai anugerah daripada Allah yang harus digunakan sesuai dengan kehendak Allah.

يَقْرِئُ الْحِكْمَةَ مِنْ يَشَاءُ وَمَنْ يَوْءِتُ الْحِكْمَةَ فَقَدْ أُوتِيَ خَبْرًا كَثِيرًا وَمَا يَذْكُرُ إِلَّا أَوْلُ الْأَلْبَابِ.

“Ia memberi kebijaksanaan kepada siapa yang ia kehendaki; dan barangsiapa diberi kebijaksanaan, maka sesungguhnya (bererti) ia telah diberi kebijaksanaan yang banyak; dan tidak akan ingat melainkan orang-orang yang berfikiran.”

(Surah al-Baqarah, [2]: 269)

Ilmu pengetahuan yang ia perolehi adalah terlalu kecil bila dibandingkan dengan ilmu Allah, lalu ia memohon supaya ilmu itu ditambah oleh Allah.

فَتَعْلَى اللَّهُ الْمُلْكُ الْحَقُّ وَلَا تَعْجَلْ بِالْقُرْآنِ مِنْ قَبْلِ إِنْ يَقْضِ إِلَيْكَ وَحْيَهُ وَقُلْ رَبِّ زَدْنِي عِلْمًا.

“Kerana Maha Tinggi Allah, Raja Yang benar! dan janganlah engkau terburu-buru dengan Qur'an sebelum habis diwahyukan kepadamu; dan berkatalah: “Hai Tuhanku! tambalah ilmu bagiku.”

(Surah Taha,[20]: 114)

Ia tidak akan merasa besar diri atau takabbur dengan ilmu yang ia perolehi, malah ia akan bersyukur kepada Allah atas limpah kurnia Allah itu.

فَتَبَسَّمَ ضَاحِكًا مِنْ قَوْلِهِ وَقَالَ رَبِّ اوزْعَنِي أَنْ اشْكُرْ نِعْمَتَكَ الَّتِي انعمت على والدِي وَانْ اعْمَلْ صَالِحًا تَرْضِيهِ وَادْخُلْنِي بِرَحْمَتِكَ فِي عِبَادِكَ الصَّالِحِينَ.

“Maka ia tertawa dengan tersenyum dari (mendengar) perkataan (semut) itu, dan ia berkata: “Hai Tuhanku! berilah kepadaku hidayah supaya aku bersyukur atas nikmatMu yang Engkau berikan kepadaku dan ibu bapaku, dan supaya aku beramal soleh yang Engkau redhai dan masukkanlah akan

daku, dengan rahmatMu, di dalam golongan hamba-hambaMu yang baik-baik.” (Surah an-Naml [27]: 19)

Ia akan menyedari bahawa ilmu yang paling tinggi ialah mengenal Tuhan dengan sebenar-benar pengenalan (*ma'rifat Allah*) yang membawa kepada tahap keyakinan yang disebut sebagai *haqq al-yaqin*. Ilmu-ilmu yang mampu membawa manusia ke tahap *'ilm al-yaqin* dan *'ain al-yaqin*) juga mempunyai nilai yang tinggi jika dibandingkan dengan berbagai jenis ilmu yang membawa kepada berkurangnya *iman*, *syirk* atau *nifaq* di pihak si pelajar, pensyarah, pengkaji dan pengguna ilmu.

ولقد ذرانا بجهنم كثيرا من الجن والانس هم قلوب لا يفقهون بها
وهم اعين لا يبصرون بها وهم اذن لا يسمعون بها اولئك كالانعام
بل هم اضل اولئك هم الغفلون .

“Dan sesungguhnya Kami telah sediakan untuk neraka, beberapa banya dari jin dan manusia yang mempunyai hati (tetapi) tidak mahu mengerti dengannya, dan mempunyai mata (tetapi) tidak mahu melihat dengannya dan mempunyai telinga (tetapi) tidak mahu mendengar dengannya; mereka itu seperti binatang, malah mereka lebih sesat; (adalah) mereka itu orang-orang yang larai.”

(Surah al-A'raaf, [7] : 179)

Dari perspektif Islam, baik ilmu *naqli* (atau ilmu agama, *'ilm syar'i*, *revealed knowledge*) yang dipelajari sebagai ilmu agama hari ini maupun ilmu *'aqli* (atau ilmu dunia, *acquired knowledge*) yang dipelajari sebagai ilmu kemanusiaan (*insaniyyat*, *humanities*), ilmu kemasyarakatan (*social sciences*) dan ilmu sains tabi'i (*natural/physical sciences*) adalah penting untuk kesejahteraan hidup manusia di dunia dan di akhirat. Ilmu *naqli* mempunyai taraf *fardu 'ain* (wajib dipelajari oleh semua orang Islam) kerana ia mengandungi ajaran-ajaran mengenai *'aqidah*, *syart'ah* dan *akhlaq* yang tidak dapat dicapai melainkan dengan perantaraan *wahyu* (elevation) dan *hidayah* (guidance) dari Allah. Kebenaran-kebenaran (*truths*) yang terkandung di dalamnya adalah kebenaran-kebenaran yang bersifat mutlak (*absolute*), paling tinggi (*ultimate*) dan di luar jangkaan fikiran dan pancaindera semata-mata (*metaphysical, non-empirical, trancendant*). Ilmu inilah juga yang mengisi keperluan rohani (*spiritual*) manusia

dengan tepat dan secukupnya di samping memberikan panduan-panduan yang bernilai abadi (*perennial*) dan sejagat (universal) untuk kehidupan individu, keluarga, masyarakat dan ketatanegaraan. Ilmu ini membawa manusia mengenali tanda-tanda kewujudan dan kekuasaan Allah (*ayatu'llah*) melalui *Kitab Allah* (*Revealed Book*) dan Sunnah Rasul untuk membolehkan manusia berfungsi sebagai hamba Allah di dunia dengan sebaik-baiknya.

Tetapi untuk kesempurnaan hidup di dunia secara bermasyarakat, ilmu *nagli* atau ilmu agama sahaja tidak mencukupi meskipun ia merupakan ilmu yang paling tinggi dalam pandangan Islam. Manusia memerlukan pengetahuan yang terperinci tentang alam fizikal, alam kemanusiaan dan alam kemasyarakatan untuk menggunakan segala potensi yang wujud – fizikal dan non-fizikal, atau jasmani dan ma’navi – sesuai dengan tugasnya sebagai Pewaris Bumi (*Khalifat al-Ard*) yang akan membangun dirinya, alam sekitarnya dan masyarakat serta membentuk sejarah sesuai dengan tuntutan ‘*aqidah tauhid* dan *syari’ah Allah*. Fungsinya yang *temporal* sebagai Khalifah di bumi sama sekali tidak boleh dipisahkan dari fungsinya yang asasi dan abadi sebagai hamba Allah. Fungsi umum itu juga tidak boleh dilepaskan daripada kaitannya dengan beriman kepada Allah, Rasul, al-Qur'an dan Hari Kemudian serta kepatuhan kepada *syari’ah Allah*. Adalah satu kekeliruan yang besar dalam beragama Islam kiranya tugas *developmental* dan *temporal* manusia yang terkandung dalam makna Khalifah itu dibesar-besarkan dan diterangkan seolah-olah ia tidak tertakluk atau terkawal oleh tugas ‘*ubudiyyah* yang dijelaskan dan diperincikan oleh ‘*aqidah tauhid* dan *syari’ah Allah* yang disampaikan kepada RasulNya yang terakhir, Muhammad (s.a.w.).

Oleh yang demikian, ilmu pengetahuan yang dikategorikan sebagai ‘ilm ‘*aqli* perlu dipelajari dan dikembangkan sebagai pelengkap kepada ilmu agama. Ia menjadi ilmu pengetahuan yang mengandungi tanda-tanda kewujudan dan kebesaran Allah di dalam alam (*ayatu'llah fi'l-Kaun*). Allah (s.w.t.) menghendaki supaya pengetahuan manusia tentang dirinya (*nafs*); tentang alam sekitarnya (*afaq*) dan tentang sejarah manusia dan masyarakat (*sunnatul'llah* yang telah berlaku) – yang pada hari ini dipelajari melalui ilmu kemanusiaan (*humanities*), ilmu kemasyarakatan (*social sciences*) dan ilmu sains tabi'i (*physical* atau *natural sciences*) – membawanya kepada peningkatan IMAN dan ‘AMAL SALIH, iaitu hubungan kerohanian dengan Allah dan RasulNya yang melahirkan sifat ketaqwaan dalam peribadi seorang ilmuwan. Dari dasar itulah terbitnya perbuatan-perbuatan, tindak-tanduk dan perilaku yang serasi dengan kehendak Allah dan

Rasul. Perbuatan-perbuatan dan tindak-tanduk para ilmuwan itu menjadi *salih* kerana dijawi oleh iman dan taqwa, dan keinginan untuk melakukan amar makruf nahi munkar, untuk menegakkan kebenaran, keadilan, kedamaian (*salam*), keamanan (*amn*), dan kebijakan (*birr* dan *ihsan*) dalam kehidupan masyarakat. Beberapa petunjuk dari Allah patut direnungi untuk memahami implikasi rohani dan moral dari ilmu pengetahuan, sama ada yang menyentuh (a) ilmu sains tabi'i atau (b) ilmu kemasyarakatan. (Sila lihat lampiran).

Islam memberikan penghargaan yang tinggi terhadap penggunaan akal dan menganjur supaya manusia mendapat ilmu pengetahuan melalui proses-proses yang berpunca dari perbuatan '*aqala* (lebih dari 45 ayat) *nazara* (S. Qaf [50]: 6-7, al-Tariq [86]: 5-7, al-Ghashiyah [88]: 17), *tadabbara* (S. Sad [38]: 29, S. Muhammad [47]: 24), *tafakkara* (S. al-Nahl [16]: 68-69, S. al-Jathiah [45]: 12-13, dan lain-lain), *faqiha* (S. al-Isra' [17]: 44, S. al-Ann'am [16]: 97-98, S. al-Taubah [9]: 122), *tadhakkara* (S. al-Nahl [16]: 17, S. al-Zumar [39]: 9, S. al-Dhariyat [51]: 47-49, S. al-Zumar [39]: 27) dan *fahima* (S. al-Anbiya' [21]: 78-79).

Orang-orang yang menggunakan akal fikiran mereka untuk mencari kebenaran disebut di dalam al-Qur'an sebagai *qaum ya'qilun*, *qaum yatafakkarun*, *qaum yafqahun*, *ulu'l-'ilm* (orang berilmu), *ulu'l-albab* (orang yang berfikiran), *ulu'l-absar* (orang yang mempunyai pandangan). Mereka yang berpengetahuan sepatutnya dapat mengetahui mana yang benar dan mana yang batil, beriman kepada Allah dan Rasul dan beramal salih dengan ilmu pengetahuan mereka, kerana melalui proses pembelajaran dan pengembangan ilmu yang mereka lalui, seharusnya mereka dapat mengenali beberapa tanda-tanda (ayat) Allah seperti kudratNya, iradahNya, SunnahNya, rububiyyahNya, hukumNya, tujuanNya, peringatanNya, keredhaanNya, kemurkaanNya, dan lain-lain yang terdapat dalam sejarah manusia, dalam alam semesta dan dalam diri manusia sendiri. Justeru itu mereka mendapat status yang sangat tinggi di sisi Allah:

شَهَدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَالْمَلَائِكَةُ وَأُولُوا الْعِلْمُ قَاتِلًا بِالْقَسْطِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ .

"Allah menerangkan (kepada sekalian makhlukNya dengan dalil dan bukti), bahwasanya tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, yang sentiasa mentadbir (seluruh alam) dengan keadilan, dan malaikat-malaikat serta orang-orang yang berilmu (mengakui dan menegaskan juga yang demikian); tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia; Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana."

(S. Ali Imran [3]:18)

وَيَرِى الَّذِينَ أَوْتُوا الْعِلْمَ الَّذِى أَنْزَلَ اللَّهُ مِنْ رَبِّكَ هُوَ الْحَقُّ
وَهُدًى إِلَى صِرَاطِ الْعَزِيزِ الْحَمِيدِ.

"Dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan, mengetahui (dengan yaqin, bahwa keterangan-keterangan) yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu (mengenai hari kiamat dan lain-lainnya) itulah yang benar serta yang memimpin ke jalan Allah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Terpuji."

(S. Saba' [34]:6)

أَمْنٌ هُوَ قَنْتُ أَنَّاءَ الْيَلَى سَاجِدًا وَقَائِمًا يَحْذِرُ الْآخِرَةَ وَيَرْجُوا رَحْمَةَ رَبِّهِ
قُلْ هَلْ يَشْتُوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُوا
الْأَلْبَابِ.

"(Engkaukah yang lebih baik) atau orang yang ta'at mengerjakan ibadat pada waktu malam dengan sujud dan berdiri sambil takut-takut (azab) dari akhirat serta mengharapkan rahmat Tuhaninya?"
Katakanlah lagi (kepadanya): "Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?" Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna.

(S. al-Zumar [39]:9)

Ilmu pengetahuan yang membawa kepada keimanan, ketaqwaan dan amal salih adalah pusaka para anbiya. Kerana itu Rasulullah (s.a.w.) bersabda dalam sebuah hadis dari Abu Darda⁷ (r.a.):

مَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَطْلَبُ فِيهِ عَلَيْهِ سَهْلُ اللَّهِ لَهُ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ وَإِنَّ
الْمَلَائِكَةَ لَتَضَعُ أَجْنِحَتَهَا لِطَالِبِ الْعِلْمِ رَضَا بِمَا يَصْنَعُ وَإِنَّ الْعُلَمَاءَ
وَرَثَةَ الْأَنْبِيَاءِ وَإِنَّ الْأَنْبِيَاءَ لَمْ تَورَثْ دَرْهَمًا وَلَا دِينَارًا وَلَانَّهَا وَرَثَتْ الْعِلْمَ
فَمَنْ أَخْذَهُ أَخْذَ بَحْظَ وَافِرٍ.

"Barangsiapa yang menempuh suatu jalan untuk menuntut ilmu, maka Allah memudahkan jalannya untuk menuju syurga. Bahwasanya malaikat itu akan meletakkan naungan sayapnya pada orang yang menuntut ilmu itu kerana mensyukuri apa yang dilakukannya. Bahwasanya orang-orang yang berilmu pengetahuan adalah pewaris para Nabi. Bahwasanya para Nabi itu tidak mewariskan wang dirham atau dinar, tetapi yang diwariskannya adalah ilmu. Oleh sebab itu barangsiapa yang mengambilnya (mendapatkan ilmu itu), ia telah memperolehi bahagian pusaka yang sangat banyak."

(Hadis riwayat Abu Daud dan al-Tirmidh).

Sebaliknya ilmu pengetahuan dan akal fikiran yang membawa seorang ilmuan, cendikiawan, ahli sains, ahli fikir, sarjana, pensyarah atau profesor kepada sikap dan perbuatan yang bertentangan dengan aqidah tauhid, syariah Allah yang diturunkan kepada RasulNya dan tujuan hidup sebagai hamba Allah — yang kesemuanya terangkum dalam erti pengabdian manusia kenada Allah — dicela oleh Allah seperti di dalam firmanNya:

وَلَقَدْ ذَرَنَا لِجَهَنَّمْ كَثِيرًا مِنَ الْجِنِّ وَالْأَنْسَ هُمْ قُلُوبٌ لَا يَفْهَمُونَ بِهَا
وَلَهُمْ أَعْيُنٌ لَا يَبْصِرُونَ بِهَا وَلَهُمْ أَذَانٌ لَا يَسْمَعُونَ بِهَا أَوْلَئِكَ كَالْأَنْعَمِ
بَلْ هُمْ أَضَلُّ أَوْلَئِكَ هُمُ الْغَافِلُونَ.

"Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk neraka jahanam banyak dari jin dan manusia yang mempunyai hati (tetapi) tidak mahu memahami dengannya (ayat-ayat Allah), dan yang mempunyai mata (tetapi) tidak mahu melihat dengannya (bukti keEsaan Allah) dan yang mempunyai telinga (tetapi) tidak mahu mendengar dengannya (ajaran dan nashat); mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi, mereka itulah orang-orang yang larai."

S. al-A'raf [77] : 179)

فَكَأَيْنَ مِنْ قَرْيَةٍ أَهْلُكَنَا وَهِيَ ظَالِمَةٌ فَهِيَ خَارِيَّةٌ عَلَى عَرْوَشَهَا وَبَثَرَ
مَعْطَلَةً وَقَمَرَ مُشَيدَ.

"Oleh itu, bukankah ada baiknya mereka mengembara di muka bumi supaya — mereka menjadi orang-orang yang ada hati yang dengannya mereka dapat memahami, atau ada

telinga yang dengannya mereka dapat mendengar? (Tetapi kalaullah mereka mengambarapun tidak juga berguna) kerana keadaan yang sebenarnya bukanlah mata kepala yang buta, tetapi yang buta itu ialah mata hati yang ada di dalam dada.”

(Surah Hajj [22] : 45)

كذلك يطبع الله على قلوب الذين لا يعلمون.

“Demikianlah Allah menerima hati orang-orang yang tidak mahu menerima jalan mengenai (kebenaran).”

(S. al-Rum [30] : 59)

Sebagai orang Islam yang terlibat di dalam usaha mempelajari, mengajar atau mengembang ilmu pengetahuan baik dalam bidang ilmu agama, ilmu kemanusiaan, ilmu kemasyarakatan atau sains tabi'i, kita harus bertanya diri kita secara jujur apakah ilmu pengetahuan serta kepakaran kita membawa kepada komitmen yang mendalam terhadap 'aqidah, syari'ah dan akhlaq Islam di samping mendorong kita ke arah peningkatan amal salih. Ada kemungkinan beberapa teori, assumsi, falsafah, pendekatan, rumusan, ideologi, paradigm atau pandangan yang kita pegang atau sampaikan kepada orang lain boleh menyebabkan pangasingan (*alienation*) dari tuntutan-tuntutan Allah dan RasulNya dalam bentuk '*aqidah, syari'ah dan akhlaq di atas diri manusia sebagai hamba Allah yang mempunyai sedikit ilmu pengetahuan untuk membangun diri, masyarakat dan alam sekitar sesuai dengan kehendakNya.*

. وما أوتيت من العلم الا قليلا.

“Dan kamu tidak diberikan ilmu pengetahuan melainkan sedikit sahaja.”

(S. al-Isra' [17] : 85)

- (a) Sains Tabi'i: (menyentuh disiplin-disiplin kajihayat, astronomi, perubatan, geologi, ilmu bumi, ilmu laut, ilmu angkasa lepas, dll.)

1)

سُنْهُمْ اِيْتَنَا فِي الْاَفَاقِ وَقَوْنَهُمْ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَهُمْ اَنَّهُ الْحَقُّ اَوْلَمْ
يَكْفِ بِرَبِّكَ اَنْهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ.

"Kami akan perlihatkan kepada mereka tanda-tanda kekuasaan Kami di merata-rata tempat (dalam alam yang terbentang luas ini) dan pada diri mereka sendiri), sehingga ternyata jelas kepada mereka bahawa al-Qur'an adalah benar. Belumkah ternyata kepada mereka kebenaran itu dan belumkah cukup (bagi mereka) bahawa Tuhanmu mengetahui dan menyaksikan tiap-tiap sesuatu."

الآنْهُمْ فِي مَرْيَةٍ مِّنْ لِقَاءِ رَبِّهِمْ اَلَا اَنَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ حَمِيطٌ.

"Ingatlah! Sesungguhnya mereka (yang kufur ingkar) sentiasa berada di dalam keadaan syak — ragu-ragu tentang pertemuan dengan Tuhan mereka. Ingatlah! Sesungguhnya Allah Maha Meliputi pengetahuanNya akan tiap-tiap sesuatu."

(S. Fussilat [40] : 53-54)

2)

وَقَوْنَ الْأَرْضِ اِيْتَ لِلْمُؤْمِنِينَ.

"Dan pada bumi ada tanda-tanda (yang membuktikan keesaan dan kekuasaan Allah) bagi orang-orang (yang mahu mencapai pengetahuan yang yaqin.)"

وَقَوْنَ اَنْفُسَكُمْ اَفْلَا تَبْصِرُونَ.

"Dan juga pada diri kamu sendiri. Maka mengapa kamu tidak mahu melihat serta memikirkan (dalil-dalil dan bukti itu?)"

(S. al-Dhariyat [51] : 20-21)

فلينظر الانسان مم خلق. خلق من ماء دافق. يخرج من بين(3)
الصلب والترائب.

"Maka cubalah manusia lihat dari apa Ia jadikan! Ia dijadikan daripada air yang terpancar. Yang keluar dari shulbi dan taraib."

(S. al-Tariq [86] : 5-7)

الرحمن. علم القرآن. خلق الانسان. علمه البيان. والنجم
والشجر يسجدان. والسماء رفعها ووضع الميزان. الا تطغوا في
الميزان. واقيموا الوزن بالقسط ولا تخسر و الميزان. والارض وضعها
للانام. فيها فاكهة والنخل ذات الاصحام. والحب ذو العصف
والريحان فبأي الاء ربكم تكذبون.

"Tuhan Yang Maha Pemurah serta melimpah-limpah rahmat-Nya. Dialah yang telah mengajarkan al-Qur'an. Dialah yang telah menciptakan manusia. Dialah yang telah membolehkan manusia (bertutur) memberi dan menerima penyataan. Matahari dan bulan beredar dengan peraturan dan hitungan yang tertentu. Dan tumbuh-tumbuhan yang melata serta pohon-pohon kayu-kayan, masing-masing tunduk menurut peraturan-Nya. Dan langit dijadikannya (membumbung) tinggi, serta Ia mengadakan undang-undang dan peraturan neraca keadilan. Dan betulkanlah cara menimbang itu dengan adil, serta janganlah kamu mengurangi barang yang ditimbang. Dan bumi pula dijadikannya rata untuk kegunaan makhluk-makhlukNya yang lain. Terdapat padanya berbagai jenis buah-buahan dan pohon-pohon korma yang ada kelopak-kelopak mayang. Demikian juga terdapat biji-bijian yang ada jerami serta daun, dan terdapat lagi bunga-bungaan. Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan (wahai umat manusia dan jin)."

(S. al-Rahman [55])

4) هل لئى على الانسان حين من الدهر لم يكن شيئاً مذكورة.

"Bukankah telah berlalu kepada manusia satu ketika dari masa (yang beredar), sedang ia (masih belum wujud lagi, dan) tidak menjadi sesuatu benda yang disebut-sebut, (maka mengapa kaum musyrik itu mengingkari hari akhirat?)"

انما خلقنا الانسان من نطفة امشاج نبتليه فجعلته سميعا بصيرا.

“Sesungguhnya Kami telah aturkan cara mencipta manusia bermulanya dari air mani yang bercampur (dari pari benih lelaki dan perempuan), serta Kami tetap mengujinya (dengan kewajipan-kewajipan); oleh itu maka Kami jadikan dia berkeadaan mendengar dan melihat.”

انما هدينه السبيل اما شاكرا واما كفورا.

“(Kerana keadaan itu tidak mencukupi, maka) sesungguhnya Kami telah menunjukkan kepadanya (melalui akal dan Rasul) akan jalan-jalan (yang benar dan yang salah; maka terserahlah kepadanya) sama ada ia bersyukur (dengan beriman dan ta'at), ataupun ia berlaku kufur (dengan mengingkari kebenaran atau menderhaka).”

(S. al-Insan [76] : 1-3)

وهو الذى جعل لكم النجوم لتهتدوا بها في ظلمت البر والبحر قد (6)
فصلنا الآيت لقوم يعلمون.

وهو الذى أنشأكم من نفس واحدة فمستقر ومستدوع قد فصلنا
الآيت لقوم يفهون.

“Dan Dialah yang menjadikan bintang-bintang bagi kamu supaya kamu berpedoman kepadanya dalam kegelapan (malam) di darat dan di laut. Sesungguhnya Kami telah jelaskan tanda-tanda kebesaran (Kami) satu persatu bagi orang-orang yang mengetahui. Dan Dialah yang mencipta kamu dari diri yang satu (Adam), maka (bagi kamu) disediakan tempat tetap (dalam tulang subi bapa kamu atau di bumi), dan tempat simpanan (dalam rahim ibu atau dalam kubur). Sesungguhnya Kami telah jelaskan tanda-tanda kebesaran (Kami) satu persatu bagi orang-orang yang mengerti secara mendalam).”

(S. al-An'am [6] : 97-98)

الم تران الله يزجي سحابا ثم يوء لف بينه ثم يجعله ركاما فترى ⁷
الودق يخرج من خلله وينزل من السماء من جبال فيها من برد
فيصيب به من يشاء ويصرفه عن من يشاء يكاد سنابرقه يذهب
بالأبصار.

يقلب الله الليل والنهار ان في ذلك لعنة لا ولن الابصار.

"Tidakkah engkau melihat bahawasanya Allah mengarahkan awan bergerak perlahan-lahan, kemudian Dia mengumpulkan kelompok-kelompoknya, kemudian Dia jadikannya tebal ber-lapis-lapis? — Selepas itu engkau melihat hujan turun dari celah-celahnya. Dan Allah pula menurunkan hujan batu dari langit, dari gunung-ganang (awan) yang ada padany; lalu Ia menimpa hujan batu kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya. Sinaran kilat yang terpancar dari awan yang demikian keadaannya, hampir-hampir menyambar dan menghilangkan pandangan. Allah menukar malam dan siang silih berganti; sesungguhnya yang demikian mengandungi pelajaran yang mendatangkan i'tibar bagi orang-orang yang celik mata hatinya a – berfikir."

(S. al-Nur [24] : 43-44)

خلق الانسان من نطفة فإذا هو خصيم مبين، والانعام خلقها لكم فيها دفء ومتناعف ومنها تأكلون. ولكم فيها جمال حين تريحون وحين تسرحون.⁸ وتحمل اثقالكم الى بلد لم تكونوا بلغيه الا بشق الا نفس ان ربكم لرموف رحيم. والخيل والبغال والحمير لتركبوها وزينة وخلق ما لا تعلمون. وعلى الله قصد السبيل ومنها جائز ولو شاء هد نكم اجمعين. هو الذى انزل من السماء ماء لكم منه شراب ومنه شجر فيه تسيعون. ينبع لكم به الزرع والزيتون والنخيل والاعناب ومن كل الشمرت ان في ذلك لایة لقوم يتفكرون. وسخر لكم الليل والنهار والشمس والقمر والنجوم مسخرت بأمره ان في ذلك لایة لقوم يذكرون. وماذا لكم في الارض مختلفا الوانه ان في ذلك لایة لقوم يذكرون. وهو الذى سخر البحر لتأكلو منه لحبا طريا وتستخرجوها منه حلية تلبسوها وترى الفلك مواخر فيه ولتبتفعوا من قضلته ولعلكم تشکرون.

"Ia menciptakan manusia dari air benih, (setelah sempurna kejadiannya), tiba-tiba menjadilah ia seorang pembantah yang terang jelas bantahannya. Dan binatang-binatang ternak itu, Ia juga menciptakannya untuk kamu; terdapat padanya benda-benda yang memanaskan tubuh dari sejuk dan beberapa faedah yang lain; dan daripadanya juga kamu makan. Dan bagi kamu pada binatang-binatang ternak itu, keindahan (yang menarik hati) ketika kamu membawanya balik untuk berihat (pada waktu petang, dan ketika kamu membawanya keluar (pada waktu pagi). Dan binatang-binatang itu pula membawa barang-barang kamu ke mana-mana negeri yang kamu tidak dapat sampai kepadanya melainkan dengan menanggung susah payah. Sesungguhnya Tuhan kamu Amat melimpah belas kasihan dan rahmatnya. Dan (Allah menjadikan) kuda dan baghal serta keldai untuk kamu menunggangnya, dan untuk menjadi perhiasan. dan Ia menjadikan apa yang kamu tidak mengetahuinya. Dan kepada Allah jualah tertentunya urusan memberi panduan yang menerangkan jalan yang lurus; dan di antara jalan-jalan yang dituju ada yang terpesong dari kebenaran; dan jika Ia kehendaki, tentulah Ia memberi petunjuk kepada kamu semua (yang menyampaikan ke jalan yang lurus itu). Dialah yang menurunkan hujan dari langit; sebahagian daripadanya untuk minuman kamu dan sebahagian lagi menyebabkan tumbuhnya pokok-pokok (tumbuh-tumbuhan) untuk kamu melepaskan binatang-binatang ternak: makan padanya. Ia juga menumbuhkan bagi kamu dengan sebab hujan itu tanam-tanaman dan pokok-pokok zaitun dan tamar (korma) serta anggur; dan juga dari segala jenis buah-buahan. Sesungguhnya yang demikian mengandungi satu tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah) bagi kaum yang mahu berfikir. Dan ia memudahkan bagi kamu malam dan siang, dan matahari serta bulan; dan bintang-bintang dimudahkan dengan perintahNya untuk keperluan-keperluan kamu. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi tanda-tanda (yang membuktikan kebijaksanaan Allah) bagi kaum yang mahu memahaminya. Dan apa-apa juga yang dijadikan untuk kamu di bumi yang berlain-lain jenisnya (dimudahkan juga untuk kegunaan kamu). Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi satu tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) bagi kaum yang mahu mengingati nikmat Allah itu. Dan Dialah yang memudahkan laut, supaya kamu dapat makan daripadanya daging yang lembut hidup-hidup, dan dapat pula mengeluarkan daripadanya benda-benda perhiasan untuk kamu memakainya; dan (selain

itu) engkau melihat pula kapal-kapal belayar padanya; dan lagi supaya kamu dapat mencari rezeki dari limpah kurnia-Nya; dan supaya kamu bersyukur."

(S. al-Nahl [16] : 4-14)

9) افلا ينظرون الى الابل كيف خلقت. والى السماء كيف رفعت. والى الجبال كيف نصبت. والى الارض كيف سطحت. فذكر انما انت مذکر. لست عليهم بمسيطر. الا من تولى وكفر. فيعذبه الله العذاب الاكبر. ان الينا اياهم. ثم ان علينا حسابهم.

"(Mengapa mereka yang kafir masih mengingkari akhirat), tidakkah mereka memperhatikan keadaan unta, bagaimana ia diciptakan? Dan keadaan langit, bagaimana ia ditinggikan binaannya? Dan keadaan bumi, bagaimana ia dihamparkan? Oleh itu berikanlah sahaja peringatan (wahai Muhammad, kepada manusia, dan janganlah berduakacita kiranya ada yang menolaknya), kerana sesungguhnya engkau hanyalah seorang Rasul pemberi ingatan. Bukankah engkau seorang yang berkuasa memaksa mereka (menerima ajaran Islam yang engkau sampaikan itu). Akan tetapi sesiapa yang berpaling (dari kebenaran) serta ia kufur ingkar, — maka Allah akan menyiksa nya dengan azab siksa yang sebesar-besarnya. Sesungguhnya kepada Kamilah kembalinya mereka. Selain dari itu, sesungguhnya tanggungan Kamilah soal menghitung amal mereka."

(S. al-Ghasiyah [88] : 17-26)

ان في خلق السموات والارض واختلاف الليل والنهار والفقاك التي تحرى (10)
في البحر بما ينفع الناس وما انزل الله من السماء من ماء فاحيا به الارض
بعد موتها وبث فيها من كل دأبة وتصربف الريح والسحب المسخر بين
السماء والارض لا يت لقوم يعقلون.

"Sesungguhnya ditentang kejadian langit dan bumi, dan (ditentang) perubahan malam dan siang, dan (ditentang) kapal-kapal yang belayar di laut dengan (membawa) apa-apa yang berguna bagi manusia, dan (ditentang) air yang diturunkan oleh Allah dari langit, lalu dengan (air) itu Ia hidupkan bumi sesudah matinya, serta Ia tebarkan padanya tiap-tiap (jenis) binatang, dan (ditentang) peredaran angin dan mega yang ter-

perintah di antara langit dan bumi, (ditentang itu semua) adalah beberapa tanda bagi kaum yang mahu mengerti.”

(S. al-Baqarah [2] : 164)

11)

وَمِنْ آيَتِهِ أَنْ خَلَقُوكُمْ مِّنْ تَرَابٍ ثُمَّ إِذَا أَنْتُمْ بَشَرٌ تُنْتَشِرُونَ . وَمِنْ آيَتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ أَنفُسَكُمْ أَزْوَاجًا لِتُسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مُوْدَةً وَرَحْمَةً إِنْ فِي ذَلِكَ لَا يَتَكَبَّرُونَ . وَمِنْ آيَتِهِ خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَاخْتَلَفَ أَسْنَتُكُمْ وَأَلْوَانُكُمْ أَنْ فِي ذَلِكَ لَا يَتَكَبَّرُ الْعَالَمُينَ . وَمِنْ آيَتِهِ مِنَامُكُمْ بِاللَّيلِ وَالنَّهَارِ وَإِتْغَاوُكُمْ مِنْ فَضْلَةٍ أَنْ فِي ذَلِكَ لَا يَتَكَبَّرُ قَوْمٌ يَسْمَعُونَ . وَمِنْ آيَتِهِ يَرِيكُمُ الْبَرَقُ خَوْفًا وَطَعْمًا وَيَنْزِلُ مِنَ السَّمَاءِ مَاهِيَّةً فِيهِ بَهَ الأَرْضُ بَعْدَ مَوْتِهَا إِنْ فِي ذَلِكَ لَا يَتَكَبَّرُ قَوْمٌ يَعْقُلُونَ . وَمِنْ آيَتِهِ أَنْ نَقْوِمَ السَّمَاءَ وَالْأَرْضَ بِأَمْرِهِ ثُمَّ إِذَا دَعَاكُمْ دُعَوةً مِنَ الْأَرْضِ إِذَا أَنْتُمْ تَخْرُجُونَ . وَلَهُ مِنْ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ كُلُّ لَهُ قُنْطَمُونَ . وَهُوَ الَّذِي يَبْدُو الْخَلْقَ ثُمَّ يَعْبِدُهُ وَهُوَ أَهُونُ عَلَيْهِ وَلَهُ الْمُثُلُ الْأَعْلَى فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ .

“Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan-Nya (menghidupkan kamu semula), bahawa Ia menciptakan kamu dari tanah; setelah sempurna sahaja peringkat-peringkat kejadian kamu, kamu menjadi manusia yang hidup bertebaran di muka bumi. Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya dan rahmatNya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir. Dan di antara tanda-tanda yang menimbulkan kekuasaanNya dan kebijaksanaanNya ialah kejadian langit dan bumi, dan perbezaan bahasa kamu dan warna kulit kamu. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan bagi orang-orang yang berpengetahuan. Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kemurahanNya dan kasih sayangNya ialah tidurnya kamu pada waktu malam dan pada siang hari, dan usaha kamu mencari rezeki dari limpah kurnia-

Nya (pada kedua-dua waktu itu). Sesungguhnya keadaan yang demikian mengandungi keterangan-keterangan bagi orang-orang yang mahu mendengar (nasihat pengajaran). Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kebesaranNya dan kekuasaanNya, Ia memperlihatkan kilat kepada kamu, untuk menakutkan (dari panahan petir) dan memberi harapan (dengan turunnya hujan); dan Ia menurunkan hujan dari langit lalu Ia hidupkan bumi sesudah matinya dengan hujan itu. Sesungguhnya yang demikian mengandungi keterangan-keterangan bagi orang-orang yang menggunakan akal untuk memahamiNya. Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan keluasan ilmuNya dan kekuasaanNya, ialah terdirinya langit dan bumi (dalam keadaan yang menajubkan itu) dengan perintah dan penentuan takdirNya; akhirnya apabila Ia menyeru kamu dengan satu seruan (supaya kamu bangkit hidup semula) dari bumi, kamu dengan serta merta keluar (dari kubur masing-masing). Dan sekalian makhluk yang ada di langit dan di bumi adalah hak kepunyaanNya, masing-masing tetap tunduk kepada hukum peraturanNya. Dan Dialah yang memulakan kejadian sekalian makhluk, kemudian Ia mengembalikannya (hidup semula sesudah mereka mati), sedang pelaksanaan yang demikian amatlah mudah baginya. Dan bagiNyalah juga sifat yang tertinggi di langit dan di bumi, dan Dialah juga Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.”

(S. al-Rum [30] : 20-27)

الْمَرْءُ إِنَّ اللَّهَ يَسْجُدُ لِهِ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ وَمَنْ فِي الْأَرْضِ وَالشَّمْسُ وَالقَمَرُ
وَالنَّجْوَاتُ وَالجِبَالُ وَالشَّجَرُ وَالدَّوَابُ وَكَثِيرٌ مِّنَ النَّاسِ وَكَثِيرٌ حَقٌ عَلَيْهِ
الْعَذَابُ وَمَنْ يَهْتَدِي فَإِنَّ اللَّهَ يَفْعُلُ مَا يَشَاءُ.

“Tidakkah engkau mengetahui bahawa segala yang ada di langit dan di bumi tunduk sujud kepada Allah, dan (di antara nya termasuklah) matahari, dan bulan, dan bintang-bintang, dan gunung-ganang, dan pokok-pokok kayu, dan binatang-binatang, serta sebahagian besar dari manusia? Dan banyak pula (di antara manusia) yang berhak ditimpa azab (disebabkan kekufurannya dan ma'siatnya); dan (ingatlah) sesiapa yang dihinakan oleh Allah maka ia tidak akan beroleh sesiapun yang dapat memuliakannya. Sesungguhnya Allah tetap melakukan apa yang dirancangkanNya.”

(S. al-Hajj [22] : 18)

- b) Sains Kemasyarakatan: (menyentuh disiplin-disiplin sosiologi, antropologi, psikologi, ekonomi, sains politik, geografi, sejarah, dll.)

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ إِلَّا رِجَالًا نُوحِي إِلَيْهِمْ مِنْ أَهْلِ الْفَرْقَىٰ أَفَلَمْ يَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَيُنَظِّرُوا كَيْفَ كَانَ عَقْبَةُ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ وَلِدَارُ الْآخِرَةِ خَيْرٌ لِلَّذِينَ اتَّقَوْا إِفْلَاتٍ عَقُولُونَ. حَتَّىٰ إِذَا اسْتَيْشَ الرَّسُولُ وَظَنُّوا أَنَّهُمْ قَدْ كَذَّبُوا جَاءُهُمْ نَصْرًا فَنْجَىٰ مِنْ نَّشَاءٍ وَلَا يَرْدَ بَاسْنَا عَنِ الْقَوْمِ الْمُجْرِمِينَ. لَقَدْ كَانَ فِي قَصَصِهِمْ عَبْرَةٌ لِأَوْلَى الْأَلْبَابِ مَا كَانَ حَدِيثًا يَفْتَرُوا وَلَكِنْ تَصْدِيقٌ لِذِي بَيْنِ يَدِيهِ وَتَفْصِيلٌ كُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرْحَمَةٌ لِقَوْمٍ يَوْمَنُونَ.

"Dan tiadalah Kami mengutus Rasul-rasul sebelummu (wahai Muhammad) melainkan orang-orang lelaki dari penduduk bandar, yang Kami wahikan kepada mereka. Maka mengapa orang-orang (yang tidak mahu beriman) itu tidak mengembara di muka bumi, supaya memerhatikan bagaimana akibat orang-orang kafir yang terdahulu dari mereka? Dan (ingatlah) sesungguhnya negeri akhirat lebih baik bagi orang-orang yang bertaqwa. Oleh itu, mengapa kamu (wahai manusia) tidak mahu memikirkannya? (Orang-orang yang mendustakan ugama Allah itu telah diberi tempoh yang lanjut sebelum ditipmahan dengan azab) hingga apabila Rasul-rasul berputus asa terhadap kaumnya yang ingkar dan menyangka bahawa mereka telah disifatkan oleh kaumnya sebagai orang-orang yang berdusta, datanglah pertolongan Kami kepada mereka, lalu diselamatkanlah sesiapa yang Kami kehendaki. Dan (ingatlah bahawa) azab Kami tidak akan dapat ditolak oleh sesiapapun daripada menimpa kaum yang berdosa. Demi sesungguhnya, kisah Nabi-nabi itu mengandungi pelajaran yang mendatangkan i'tibar bagi orang-orang yang mempunyai akal fikiran. (Kisah Nabi-nabi yang terkandung dalam al-Qur'an) bukanlah ia cerita-cerita yang diada-adakan, tetapi ia menge-sahkan apa yang tersebut di dalam Kitab-kitab ugama yang terdahulu daripadanya, dan ia sebagai keterangan yang menjelaskan tiap-tiap sesuatu, serta menjadi hidayah petunjuk dan rahmat bagi kaum yang (mahu) beriman.

(S. Yusuf [12] : 109-111)

فکاین من قریة اهلكنها وہی ظالمة فھی خاوية علی عروشها وبئر معطلة²⁾
وقصر مشید. افلم يسیروا فی الارض فتکون هم قلوب يعقلون بھا او
اذان يسمعون بھا فانھا لا تعمي الابصار ولكن القلوب التي في الصدور.

"Maka bukan sedikit negeri-negeri yang Kami binasakan dengan sebab kezaliman penduduknya, lalu runtuh ranaplah bangunan-bangunannya; dan bukan sedikit pula telaga yang telah terbiar, dan istana yang tersergam (telah kosong, ditinggal). Oleh itu, bukankah ada baiknya mereka mengembala di muka bumi supaya – dengan melihat kesan-kesan yang tersebut – mereka menjadi orang-orang yang ada hati yang dengannya mereka dapat memahami, atau ada telinga yang dengannya mereka dapat mendengar? (Tetapi kalaullah mereka mengambara pun tidak juga berguna) kerana keadaan yang sebenarnya bukanlah mata kepala yang buta, tetapi yang buta itu ialah mata hati yang ada di dalam dada."

(S. al-Hajj : [22] : 45-46)

اولم يروا كيف يبديء الله الخلق ثم يعيده ان ذلك على الله يسیر. قل³⁾
سيروا في الارض فانظروا كيف بداخلخلق ثم الله ينشيء النشأة الاخرة
ان الله على كل شيء قادر.

"Tidakkah mereka melihat dan memikirkan bagaimana Allah mencipta makhluk-makhluk pada mulanya, kemudian Ia akan mengembalikannya (hidup semula sesudah matinya)? Sesungguhnya yang demikian itu amatlah mudah bagi Allah. Katakanlah: "Mengambaralah kamu di muka bumi, serta lihatlah bagaimana Allah telah memulakan ciptaan makhluk-makhluk dari asal jadinya; kemudian Allah akan memulakan ciptaan itu semula (pada hari akhirat) dalam bentuk kejadian yang baharu. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu."

والذين كفروا بآيات الله ولقائنه اولئك ينسوا من رحمتي واولئك هم عذاب
البيه.

“Dan orang-orang yang kufur ingkar akan ayat-ayat keterangan Allah dan pertemuan denganNya, mereka tetaplah akan menjadi orang-orang yang putus asa dari rahmatKu; dan mereka pula akan beroleh azab siksa yang tidak terperi sakitnya.”

وما هذه الحياة الدنيا الا هو ولعب وإن الدار الآخرة هي الحيوان لو كانوا يعلمون.

“Dan (ingatlah bahawa) kehidupan dunia ini (meliputi segala kesenangan dan kemewahannya, jika dinilaikan dengan kehidupan akhirat) tidak lain hanyalah ibarat hiburan dan permainan; dan sesungguhnya negeri akhirat itu ialah kehidupan yang sebenar-benarnya; kalaulara mereka mengetahui (hakikat ini tentulah mereka tidak akan melupakan hari akhirat).”

والذين جاهدوا فينا لنهدنفهم سلنا وان الله لمع المحسين.

“Dan orang-orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak ugama Kami, sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami (yang menjadikan mereka bergembira serta beroleh keredhaan); dan sesungguhnya (pertolongan dan bantuan) Allah adalah berserta orang-orang yang berusaha membaiki amalannya.”

يعلمون ظاهرا من الحياة الدنيا وهم عن الآخرة هم غفلون. اولم ⁴⁾ يتذكروا في انفسهم ما خلق الله السموات والارض وما بينها الا بالحق واجل مسمى وان كثيرا من الناس بلقاء ربهم لکفرون. اولم يسروا في الارض فینظر كيف كان عاقبة الذين من قبلهم كانوا اشد منهم قوة واثاروا الارض وعمورها أكثر مما عمروها وجاءتهم رسالهم بالبيت فما كان الله ليظلمهم ولكن كانوا أنفسهم يظلمون. ثم كان عاقبة الذين أساءوا والسوأى ان كذبوا بآيات الله وكانوا بها يستهزءون. الله يبده الخلق ثم بعيده ثم اليه ترجعون.

"Mereka hanya mengetahui perkara yang zahir nyata dari kehidupan dunia sahaja, dan mereka tidak pernah ingat hendak mengambil tahu tentang hari akhirat. Patutkah mereka merasa cukup dengan mengetahui yang demikian sahaja, dan tidak memikirkan dalam hati mereka, (supaya mereka dapat mengetahui), bahawa Allah tidak menciptakan langit dan bumi serta segala yang ada di antara keduanya itu melainkan dengan ada gunanya yang sebenarnya, dan dengan ada masa perhinggaan yang tertentu, (juga untuk kembali menemui Penciptanya)? Dan sebenarnya banyak di antara manusia, orang-orang yang sungguh ingkar akan pertemuan dengan Tuhan mereka. Tidakkah mereka telah berjalan dan mengembala di muka bumi, serta memerhatikan bagaimana kesudahan orang-orang yang terdahulu dari mereka? Orang-orang itu lebih kuat daripada mereka sendiri, dan orang-orang itu telah meneroka bumi serta mema'murkannya lebih daripada kemanu' murkan yang dilakukan oleh mereka, dan orang-orang itu juga telah didatangi oleh Rasul-rasulnya dengan membawa keterangan-keterangan yang nyata (lalu mereka mendustakannya dan kesudahannya mereka dibinasakan). Dengan yang demikian, maka Allah tidak sekali-kali menganiaya mereka, tetapi mereka lah yang menganiaya diri sendiri. (Sesudah dibinasakan di dunia), maka akibat orang-orang yang melakukan kejahatan itu ialah seburuk-buruk azab (di akhirat kelak); disebabkan mereka mendustakan ayat-ayat keterangan Allah dan sentiasa mepersendakannya. Allah memulakan kejadian sekalian makhluk, kemudian ia mengembalikannya (hidup semula pada hari kiamat), kemudian kepadaNyalah kamu akan dikembalikan (untuk menerima balasan)."

فانظر آی اثر رحمت الله کیف یجی الارض بعد موتها ان ذلك لمح الموتی وهو على كل شيء قادر.

"Maka lihatlah olehmu kepada kesan-kesan rahmat Allah, bagaimana Ia menghidupkan bumi sesudah matinya (dengan tanah-tanaman yang menghijau-subur). Sesungguhnya Allah yang demikian kekuasaanNya, sudahs tentu berkusa menghidupkan orang-orang yang telah mati. Dan (ingatlah) Ia Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu."

S. al-Rum [30] : 7-11, 50)

5) الا انهم في مرية من لقاء ربهم الا انه بكل شيء محبط.

"Ingatlah! Sesungguhnya mereka (yang kufur ingkar (sen-tiasa berada di dalam keadaan syak – ragu-ragu tentang pertemuan dengan Tuhan mereka. Ingatlah! Sesungguhnya Allah Maha Meliputi pengetahuanNya akan tiap-tiap sesuatu."

(S. Fussilat [40] : 54)

6) وَفِي أَنفُسِكُمْ إِفْلَا تَبْصُرُونَ.

"Dan juga pada diri kamu sendiri. Maka mengapa kamu tidak mau melihat serta memikirkan (dalil-dalil dan bukti itu)?"

(S. al-Dzariyat [51] : 21)

7) الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَبْلُوكُمْ إِنْ كُمْ أَحْسَنُ عَمَلاً وَهُوَ الْعَزِيزُ الْغَفُورُ.

Dialah yang telah mentakdirkan adanya mati dan hidup (kamu) – untuk menguji dan menzahirkan keadaan kamu: siapakah di antara kamu yang lebih baik amalnya; dan Ia Maha Kuasa (membalas amal) (kamu), lagi Maha Pengampun. (bagi orang-orang yang bertaubat)."

(S. al-Mulk [67] : 2)

8) وَلَوْ أَنْ أَهْلَ الْقُرَىٰ اَمْنَوْا وَاتَّقُوا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِمْ بِرْكَتَ مِنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ
وَلَكِنْ كَذَبُوا فَاخْذَنَاهُمْ بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ.

"Dan (Tuhan berfirman lagi): Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul Kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab siksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan."

(S. al-A'raf [7] 96)

9)

وَإِذْ تَاذِنَ رَبُّكُمْ لَئِنْ شَكَرْتُمْ لَا زِيَادَنَّكُمْ وَلَئِنْ كَفَرْتُمْ أَنْ عَذَابِي لَشَدِيدٌ.

"Dan (ingatlah tatkala Tuhan kamu memberitahu: "Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi ni'matku kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azabKu amatlah keras."

(S. Ibrahim [14]: 7)

10)

وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَعَمِلُوا الصَّلْحَتِ لِيُسْتَخْلِفُنَّهُمْ فِي الْأَرْضِ كَمَا
اسْتَخْلَفُ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ وَلَمْ يَكُنْ لَّهُمْ ذِي أَرْضٍ هُمْ وَلَيَبْدَلُنَّهُمْ
مِنْ بَعْدِ خَوْفِهِمْ إِنَّمَا يَعْبُدُونَنِي لَا يَشْرُكُونَ بِي شَيْئاً وَمِنْ كُفُرِ بَعْدِ ذَلِكَ
فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّافِرُونَ.

"Allah menjanjikan orang-orang yang beriman dan beramal salih dari kalangan kamu (wahai umat Muhammad) bahawa Ia akan menjadikan mereka khalifah-khalifah yang memegang kuasa pemerintahan di bumi, sebagaimana Ia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka: khalifah-khalifah yang berkuasa; dan Ia akan menguatkan dan mengembangkan agama mereka (agama Islam) yang telah diredhaiNya untuk mereka; dan Ia juga akan menggantikan bagi mereka keamanan setelah mereka mengalami ketakutan (dari ancaman musuh). Mereka terus beribadat kepadaKu dengan tidak mempersekuatkan sesuatu yang lain denganKu. Dan (ingatlah) sesiapa yang kufur ingkar sesudah itu, maka mereka itulah orang-orang yang derhaka."

(S. an-Nur [24] : 55)

11)

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتِ اِيْدِي النَّاسِ لِيُذَيقُهُمْ بَعْضَ الَّذِي
عَمِلُوا لَعْلَهُمْ يَرْجِعُونَ. قُلْ سِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ
الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ أَكْثَرُهُمْ مُشْرِكُونَ. فَاقْمِ وَجْهَكَ لِلَّدِينِ الْقَيْمِ مِنْ قَبْلِ
أَنْ يَأْتِيَ يَوْمَ لَامِرْدَلَهُ مِنَ اللَّهِ يَوْمَذِي يَصْدُعُونَ. مِنْ كُفُرِ فَعْلِيهِ كُفْرُهُ وَمِنْ
عَمَلِ صَالِحٍ فَلَا نَفْسٌ يَهْدُونَ. لِيَجْزِيَ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّلْحَاتِ
فَضْلَهُ أَنَّهُ لَا يَحْبُبُ الْكُفَّارِينَ.

"Telah timbul berbagai kerusakan dan bala' bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat). Katakanlah: "Mengembaralah kamu di muka bumi kemudian lihatlah bagaimana kesudahan orang-orang yang telah lalu (yang telah dibinasakan); kebanyakannya mereka adalah orang-orang musyrik. (Jika demikian keadaannya) maka hadapkanlah dirimu (wahai Muhammad) ke arah Ugama yang betul, sebelum datangnya dari Allah. hari yang tak dapat ditolak; pada hari itu manusia akan berpecah (kepada dua golongan). Sesiapa yang kufur ingkar maka dia adalah sahaja yang menanggung bencana kekufurannya itu, dan sesiapa yang beramal salih (yang membuktikan imannya), maka mereka lah orang-orang yang membuat persiapan untuk kesenangan diri mereka masing-masing. Kerana Allah akan membala orang-orang yang beriman dan beramal salih dari limpah kurniawinya. Sesungguhnya Ia tidak suka kepada orang-orang yang kufur ingkar."

(S. al-Rum [30]: 41-45)

12)

وَإِذَا أَرْدَنَا إِنْهَلْكَ قَرْيَةً امْرَأْنَا مُتَرْفِيهَا فَسَقَوْا فِيهَا فَحَقَّ عَلَيْهَا الْقَوْلُ
فَدَمَرْهَا تَدْمِيرٍ وَكَمْ أَهْلَكْنَا مِنَ الْقَرُونِ مِنْ بَعْدِ نُوحٍ وَكَفَى بِرَبِّكَ بِذَنْبِهِ
عِبَادُهُ خَيْرًا بَصِيرًا.

"Dan apabila sampai tempoh Kami hendak membinasakan penduduk sesebuah negeri, Kami perintahkan (lebih dahulu) orang-orang yang melampau dengan kemewahan di antara mereka (supaya ta'at), lalu mereka menderhaka dan melakukan ma'siat padanya; maka berhaklah negeri itu dibinasakan, lalu Kami menghancurkannya sehancur-chancurnya. Dan berapa banyak umat-umat yang Kami telah binasakan se-sudah zaman Nabi Nuh; dan cukuplah Tuhanmu (wahai Muhammad) mengetahui lagi melihat akan dosa-dosa hamba-Nya."

(S. Bani-Isra'il [17] : 16-17)

واضرب لهم مثلاً رجلاً جعلنا لاحدهما جنتين من اعناب وخففتها بنخل
وجعلنا بينها زرعاً. كلتا الجنتين اتت اكلها ولم تظلم منه شيئاً وفجرنا
خللها نهراً. وكان له ثمر فقال لصاحبها وهو يحاوره أنا أكثر منك مالا
واعز نفراً. ودخل جنته وهو ظالم لنفسه قال ما أظن ان تبييد هذه ابداً.
وما أظن الساعة قائمة ولن ردت الى ربى لا جدن خيراً منها منقلباً.
قال له صاحبه وهو يحاوره اكفرت بالذى خلقك من تراب ثم من نطفة
ثم سوتك رجلاً. ولو لا إذ دخلت جنتك قلت ما شاء الله لا قوة الا با
الله ان ترن انا اقل منك مالا وولداً. فعس ربى ان يومتين خيراً من
جنتك ويرسل عليها حسبانا من السماء. فتصبح صعيداً زلقاً او يصبح
ماً فيها غوراً فلن تستطيع له طلبها. واحبطة بشره فاصبح يقلب كفيه على
ما آنفق فيها وهي خاوية على عروشها ويقول يليقني لم اشرك بربى
 احداً.

Dan berikanlah kepada mereka satu misalan: Dua orang lelaki, Kami adakan bagi salah seorang di antaranya, dua buah kebun anggur; dan Kami kelilingi kebun-kebun itu dengan pohon-pohon tamar, serta Kami jadikan di antara keduanya, jenis-jenis tanaman yang lain. Kedua-dua kebun itu mengeluarkan hasilnya, dan tiada mengurangi sedikit pun dari hasil itu; dan Kami juga mengalirkan di antara keduanya sebatang sungai. Tuan Kebun itu pula ada mempunyai harta (yang lain); lalu berkatalah ia kepada rakannya, semasa ia berbincang dengannya: "Aku lebih banyak harta daripadamu, dan lebih berpengaruh dengan pengikut-pengikutku yang ramai". Dan iapun masuk ke kebunnya (bersama-sama rakannya) sedang ia berlaku zalim kepada dirinya sendiri (dengan sebab kufurnya), sambil ia berkata: "Aku tidak fikir, kebun ini akan binasa selama-lamanya. Dan aku tidak fikir, hari kiamat akan berlaku; dan kalau lah aku dikembalikan kepada Tuhan-Ku (sebagaimana kepercayaanmu), tentulah aku akan mendapat tempat kembali yang lebih baik daripada ini". Berkatalah rakannya kepadanya, semasa ia berbincang dengannya: "Patutkah engkau kufur ingkar kepada Allah yang menciptakan engkau dari tanah, kemudian dari air benih, kemudian ia membentukmu dengan sempurna sebagai seorang lelaki? "Tetapi aku sendiri percaya dan yakin dengan sepenuhnya bahawa Dialah Allah, Tuhan-Ku, dan aku tidak sekutukan se-

suatupun dengan Tuhanaku. Dan sepatutnya semasa engkau masuk ke kebunmu, berkata (semuanya ialah barang yang dikenendaki Allah)!

(tiada daya dan upaya melainkan dengan pertolongan Allah?! Kalau engkau memandangku sangat kurang tentang harta dan anak, berbanding denganmu, maka mudah-mudahan Tuhanaku akan mengurniakan daku lebih baik daripada kebunmu, dan (aku bimbang) Ia akan menimpakannya dengan bala' bencana dari langit, sehingga menjadilah kebunmu itu tanah yang licin tandun, ataupun air kebun itu akan menjadi kering ditelan bumi, maka dengan yang demikian, engkau tidak akan dapat mencarinya lagi.” Dan segala tanaman serta harta bendanya itupun dibinasakan, lalu jadilah ia membalik-balikkan kedua tapak tangannya (kerana menyesal) terhadap segala perbelanjaan yang telah dibelanjakannya pada kebun-kebunnya, sedang kebun-kebun itu runtuh junjung-junjung tanamannya; sambil dia berkata: “Alangkah baiknya kalau aku tidak sekutukan sesuatu pun dengan Tuhanaku!”.

(S. al-Kahf [18] : 32-42)